

Headline	Meningkatkan pendidikan pondok		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	13 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	26	ArticleSize	343 cm ²
AdValue	RM 4,360	PR Value	RM 13,080



Meningkatkan pendidikan pondok



Lawatn rombongan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (Maidam) ke Seri Pondok dua minggu lalu bukan sahaja sangat dialu-alukan malah telah membuka ruang kerjasama yang luas antara agensi agama negeri itu dengan Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia (YPPM). Rombongan 13 orang diketuai Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu Datuk Rozali Salleh turut disertai Pensyarah Universiti Islam Sultan Zainal Abidin (Unisza) dan Ahli Majlis Maidam Prof Datuk Dr Mohd Annuar Mohd Din serta pengarah dan pegawai kanan badan agama itu.

Dalam ucapan alu-aluan, saya menekankan pentingnya penggemblengan tenaga dan suara untuk memperjuangkan kepentingan dan pembangunan institusi pondok. YPPM bukan wujud sebagai badan kebajikan yang menyalurkan dana semata-mata, tetapi lebih penting berperanan sebagai 'zon selamat' dan pemangkin kepada penyatuan semua pihak berwajib untuk memastikan

institusi pondok serta ulama dan pelajarnya terus dibela dan dipertahan martabat mereka.

Perkara pokok yang dibincang ialah kerjasama mempertingkatkan pendidikan pondok dan mengarusperdanakan institusi pondok. Keluaran pondok tidak lagi harus berasa kecil diri, malah perlu berbangga. Kejayaan ramai keluaran pondok dalam bidang akademik dan dakwah, iktisas dan politik, kehakiman dan perundangan, perniagaan dan keusahawanan, serta dalam kerajaan dan pentadbiran, boleh

dijadikan contoh. Pelajar pondok harus lebih *marketable* dalam pasaran kerja semasa dengan penguasaan bahasa selain Arab dan kemahiran *soft skills*. Ada kebimbangan terhadap pondok tertentu yang menjadikan pelajar mereka sebagai 'penjaja kecil'. Ini eksploitasi kanak-kanak. Dibangkitkan juga perlunya diubah persepsi masyarakat

bahawa pondok adalah tempat letaknya ibu bapa yang tua atau anak-anak bermasalah disiplin.

Dalam pertemuan tiga jam itu, satu pembentangan mengenai 'Pengurusan Sekolah Pondok' diberikan tokoh akademik dan pakar pengurusan, Dr Mohd Salmi Sohoh, antara pengasas Universiti Tun Abdul Razak dan berpengalaman lebih 16 tahun mengajar keusahawanan dan pengurusan di Universiti Utara Malaysia. Menurutnya, masa depan institusi pondok di Malaysia bergantung kepada kemampuan pihak pentadbir mengurus dengan baik dan lestari. Faktor kecekapan berorganisasi, persekitaran yang kondusif dan kurikulum yang relevan, penting untuk memastikan sekolah pondok berterusan. Ulama dan guru pondok tidak harus terlalu ego sehingga tidak langsung menerima ide baru dan kufur nikmat. Dr Mohd Salmi percaya perkongsian sumber, kaedah pembelajaran yang interaktif dan keterbukaan kepada ilmu tambahan seperti vokasional, keusahawanan, teknologi

maklumat dan bahasa Inggeris misalnya, akan memberi kelebihan kepada pelajar dan menjadikan institusi pondok lebih menarik dan relevan dengan suasana semasa.

Beliau turut mencadangkan sistem penggredan atau akreditasi bagi sekolah-sekolah pondok, dengan mengambil Malaysian Qualification Framework (MQF)

sebagai contoh. Antara penanda aras untuk menentukan standard bagi pondok termasuk kualiti tenaga pengajar, ketokohan kepimpinan dan kemudahan prasarana.

Turut diberi perhatian ialah usaha memperluaskan pangkalan data serta penerbitan direktori yang lebih lengkap, yakni edisi ke-2 selepas penerbitan sulung 'Direktori Pondok-Pondok di Malaysia' yang dilancarkan Perdana Menteri merangkap Penaung YPPM Datuk Seri Najib Tun Razak pada 8 November tahun lalu. YPPM juga amat berbesar hati dengan kesanggupan dan persetujuan Maidam untuk Terengganu menjadi tuan rumah kepada Ijtima Ulama Pondok pada 2016

nanti. Ijtima Ulama Pondok yang pertama telah diadakan di Baling, Kedah pada awal tahun ini, manakala untuk 2014, Menteri Besar Kedah Datuk Paduka Mukhriz Tun Mahathir telah menyatakan minat dan persetujuan agar ijtima lebih besar skalanya diadakan di Sri Mentaloon. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada beliau.

Menurut Rozali, Maidam sedang mengkaji model terbaik untuk mengurus institusi pondok di negeri itu agar lebih dinamik, segar, lestari dan berdaya maju. Katanya, terdapat lebih 6,200 pelajar di 44 pondok di Terengganu, termasuk yang beraliran tariqat dan berorientasi politik kerana diasas dan dimiliki tokoh politik tertentu. Beliau juga bersedia membantu YPPM untuk menubuhkan cawangan di Terengganu, yang akan menjadi cawangan ke-2 selepas Kedah. Cawangan YPPM Terengganu yang bakal ditubuhkan nanti diharap dapat memperluaskan semangat serta aktiviti dan program yayasan di Negeri Darul Iman itu.